

IKHLAS IMMEDIATE DEATH EXPENSES SECURE TAKAFUL RIDER

Menghulurkan bantuan di saat anda memerlukannya.

MEMBERIKAN ANDA BANTUAN SAAT ANDA MEMERLUKANNYA

Kehilangan ahli keluarga adalah saat yang menyedihkan, dan perkara terakhir sekali yang perlu anda risaukan adalah perbelanjaan pengebumian. **IKHLAS Immediate Death Expenses Secure Takaful Rider** telah diwujudkan bagi menyediakan anda dan keluarga bantuan kewangan serta-merta jika berlaku kematian ke atas anda atau ahli keluarga. Pelan Takaful Rider ini hanya boleh disertakan dengan Pelan Asas.

APAKAH YANG DILINDUNGI OLEH **IKHLAS IMMEDIATE DEATH EXPENSES SECURE TAKAFUL RIDER**?

Rider ini memberikan anda manfaat-manfaat yang berikut:

Manfaat Kematian kepada Peserta Takaful

(Manfaat Takaful ini dijamin oleh Dana Risiko)

Apabila berlaku kematian kepada Peserta Takaful dalam tempoh Sijil Takaful, Amaun Perlindungan beserta amaun terkumpul di dalam Akaun Pelaburan Risiko Peribadi (PRIA), termasuk pendapatan pelaburan dari PRIA dan lebihan boleh-agih bersih daripada Dana Risiko akan dibayar sekaligus kepada waris Peserta Takaful atau keluarga terdekat, dan Sijil Takaful akan ditamatkan.

Manfaat Kematian Bagi Pasangan

(Manfaat Takaful ini dijamin oleh Dana Risiko)

Apabila berlaku kematian kepada pasangan Peserta Takaful dalam tempoh Sijil Takaful, 50% Amaun Perlindungan akan dibayar dalam sekaligus kepada Peserta Takaful. Manfaat ini tidak berkaitan untuk Peserta Takaful yang berumur 15 tahun dan ke bawah.

Manfaat Kematian Bagi Anak

(Manfaat Takaful ini dijamin oleh Dana Risiko)

Apabila berlaku kematian kepada anak Peserta Takaful yang berumur 18 tahun ke bawah, boleh dilanjutkan kepada anak Peserta Takaful yang berumur 23 tahun ke bawah dengan syarat anak masih lagi belajar sepenuh masa, dalam tempoh Sijil Takaful, 25% Amaun Perlindungan akan dibayar dalam sekaligus kepada Peserta Takaful. Manfaat ini tidak berkaitan untuk Peserta Takaful yang berumur 15 tahun ke bawah.

Bilangan maksimum anak yang boleh dituntut adalah sehingga lima (5) orang semasa tempoh Sijil Takaful.

Manfaat Serahan *(Manfaat ini tidak dijamin)*

Apabila Sijil Takaful diserahkan, Pemilik Sijil Takaful akan menerima amaun terkumpul di dalam PRIA, termasuk pendapatan pelaburan dari PRIA dan lebihan boleh-agih bersih daripada Dana Risiko, jika ada.

Manfaat Matang (*Manfaat ini tidak dijamin*)

Apabila Sijil Takaful telah mencapai tempoh matang, Pemilik Sijil Takaful akan menerima amaun terkumpul di dalam PRIA, termasuk pendapatan pelaburan dari PRIA dan lebihan boleh-agih bersih daripada Dana Risiko, jika ada.

SYARAT DAN HAD UMUR

Umur Kemasukan:

Peserta Takaful : 30 hari – 60 tahun, umur pada harijadi akan datang, lelaki/perempuan

Pasangan : 18 – 60 tahun, umur pada harijadi akan datang, hanya untuk seorang suami/isteri

Anak : 30 hari – 15 tahun, umur pada harijadi akan datang, lelaki/perempuan

Amaun Perlindungan:

Minimum – RM 1,000

Maksimum – RM 10,000

Tempoh Perlindungan:

Minimum – 5 tahun

Maksimum – 74 tahun, tertakluk kepada Pelan Asas

Umur Matang:

Sehingga 75 tahun

Amaun KADAR SUMBANGAN TAKAFUL TAHUNAN

(Berdasarkan RM 1,000 Amaun Perlindungan)

Amaun Sumbangan Takaful Kasar Tahunan yang harus dibayar adalah berbeza bergantung kepada keperluan pengunderitan seperti umur, tempoh manfaat dan manfaat perlindungan yang dipohon. Contohnya:

Umur	Tempoh = 10 Tahun	Tempoh = 25 Tahun
5	RM 0.84	RM 1.68
15	RM 1.80	RM 1.92
25	RM 2.76	RM 5.88
35	RM 3.12	RM 14.64
45	RM 9.12	RM 43.80

CAJ-CAJ YANG TERDAPAT PADA IKHLAS IMMEDIATE DEATH EXPENSES SECURE TAKAFUL RIDER

IKHLAS Immediate Death Expenses Secure Takaful Rider adalah berasaskan kepada Model *Wakalah* di mana Takaful IKHLAS akan mengenakan caj Yuran *Wakalah* daripada Sumbangan Takaful bagi tujuan mentadbirkan perniagaan.

Tahun	1	2	3	4	5	6	7 Tahun ke atas
Yuran <i>Wakalah</i> (%)	75.50	64.00	44.25	42.75	27.25	27.25	16.50

Jika tempoh perlindungan adalah kurang daripada 20 tahun, Takaful IKHLAS akan mengurangkan caj *Wakalah* sewajarnya.

PENGECUALIAN

Tiada pengecualian di bawah pelan Takaful ini.

NOTA PENTING

1. Anda perlu meyakinkan diri anda bahawa Rider ini dapat memenuhi keperluan anda dengan sebaiknya dan bahawa Sumbangan Takaful yang perlu dibuat di bawah Rider ini merupakan amaun yang mampu anda sertai.
2. Anda perlu menyemak ilustrasi Manfaat dan Helaian Keterangan Produk sebelum menyertai Rider ini.
3. Pemilik Sijil Takaful diberikan masa lima belas (15) hari Tempoh Khiyar dari tarikh Sijil Takaful diterima untuk memastikan kesesuaian penyertaan **BARU** bagi Rider ini. Perbelanjaan untuk pemeriksaan perubatan akan ditolak/diambil dari Sumbangan Takaful yang dibayar.
4. Selepas bayaran Sumbangan Takaful pertama, kegagalan pembayaran Sumbangan Takaful seterusnya kepada Syarikat pada tarikh akhir atau dalam tempoh ehsan akan dianggap sebagai tertunggak.
5. Sekiranya tiada Sumbangan Takaful selepas tamat tempoh ehsan, Syarikat mempunyai hak seperti yang dipersetujui didalam Aqad untuk menggunakan nilai yang ada sebagai pendahuluan untuk bayaran *Tabarru'* dan Sijil Takaful akan dikuatkuasakan "di bawah PIA" sehingga amaun PIA berkurangan dari amaun yang diperlukan untuk bayaran *Tabarru'*. Semasa tempoh ini Sijil Takaful masih lagi berkuatkuasa dan sekiranya Sumbangan Takaful masih belum dijelaskan selepas amaun PIA tidak mencukupi untuk bayaran pendahuluan seterusnya, Sijil Takaful akan lupus dan tidak mempunyai nilai.
6. Syarikat berhak menolak sebarang tuntutan sekiranya Peserta Takaful gagal memberi maklumat-maklumat yang relevan yang akan memberi kesan kepada Syarikat untuk membuat keputusan untuk menerima ataupun menolak sebarang risiko yang dicadangkan dan juga Sumbangan Takaful dan terma-terma yang sepatutnya dikenakan ke atas Peserta Takaful.

7. Risalah ini menyatakan maklumat am sahaja. Ini bukan kontrak Takaful. Syarat-syarat tidak dinyatakan secara terperinci. Sila rujuk kontrak Sijil Takaful untuk maklumat penting.
8. Sijil Takaful ini tidak menyatakan sebarang amaun manfaat daripada Dana Risiko seandainya pembatalan, matang atau Sijil Takaful tamat tempoh berlaku.
9. Manfaat daripada PRIA adalah berasaskan pada nilai prestasi sebenar dana dan ia adalah tidak dijamin. Pendapatan pelaburan sebenar boleh berubah-ubah mengikut keadaan pasaran. Oleh itu, baki boleh meningkat naik atau menjadi kurang daripada amaun Sumbangan Takaful yang telah dibuat ke dalam PRIA (berkemungkinan boleh menyebabkan peluputan Sijil Takaful sebelum tempohnya).
10. Bagi sebarang keuntungan pelaburan yang diperolehi daripada PRIA, jika ada, akan dipulangkan kepada Peserta Takaful (melalui PRIA) ditolak 30% daripada keuntungan pelaburan sebagai Yuran Prestasi Pelaburan. Walau bagaimanapun, pihak Syarikat boleh, mengikut budi bicara mengenakan caj kurang daripada 30% daripada keuntungan pelaburan sebagai Yuran Prestasi Pelaburan. Pihak Syarikat juga akan mengenakan Caj Pengurusan Lebihan (SAC) sebanyak 50% daripada sebarang lebihan boleh-agih kasar yang diisytiharkan pada akhir setiap Tahun Kewangan Syarikat. Lebihan boleh-agih bersih (selepas ditolak SAC) daripada Dana Risiko akan diperuntukkan sepenuhnya (100%) kepada Peserta Takaful.
11. Risiko daripada dana pelaburan akan ditanggung oleh Pemilik Sijil Takaful dan faedah berkemungkinan adalah kurang daripada amaun Sumbangan Takaful kepada dana pelaburan tersebut.
12. Amaun yang dikecualikan daripada cukai pendapatan untuk Sumbangan Takaful adalah tertakluk kepada persetujuan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.
13. Untuk maklumat lanjut, anda boleh merujuk kepada buku info Insurans mengenai 'Takaful Keluarga' yang boleh didapati di semua cawangan kami ataupun anda boleh memperolehinya daripada wakil Takaful kami atau lawati www.insuranceinfo.com.my

Nota Pengecualian:

Risalah ini bukan merupakan satu kontrak. Sila rujuk sijil Takaful untuk butiran penuh.